

CNS1779

U GB 29-04 00221 BH232

bah

DR MAHATHIR AKAN HADIRI SIDANG RIO ''

I

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro dari 3 Jun ke 14 Jun ini.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, Perdana Menteri membuat keputusan itu selepas Persidangan Kedua Menteri Negara-negara Membangun mengenai Alam Sekitar di sini menerima Deklarasi Kuala Lumpur.

Sebelum ini, Dr Mahathir dilaporkan sebagai berkata beliau tidak akan menghadiri sidang yang dikenali sebagai Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED), jika perjumpaan itu digunakan untuk membidas negara-negara membangun berhubung isu alam sekitar.

Kenyataan Wisma Putra itu juga menyebut bahawa perisytiharaan yang dicapai hasil persidangan tiga hari di sini, jelas menunjukkan bahawa negara-negara membangun memberi perhatian berat terhadap usaha mengatasi masalah alam sekitar dan pembangunan secara bersepadu, seimbang dan menyeluruh.

Persidangan itu juga menjadi peringkat yang penting dalam proses persediaan kepada negara-negara membangun untuk membincangkan dengan negara-negara maju beberapa isu pokok seperti sumber kewangan dan pemindahan teknologi di Rio.

Menurut kenyataan itu, Malaysia sedia menyertai negara-negara lain untuk membentuk satu perkongsian sedunia bagi melindungi alam sekitar dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan.

Pada persidangan di sini, ramai anggota perwakilan telah menyuarakan pendapat tentang perlunya Dr Mahathir menghadiri Sidang Kemuncak itu. -- Bernama

▼29/04/17-26MST